

# Berita @ UTeM



www.utem.edu.my | edisi April Mei 2013



## UTeM Raih 11 PINGAT di ITEX 2013



UTeM Umum Pelantikan Timbalan-Timbalan Naib Canselor



UTeM Menyinar di i-ENVEX 2013



UTeM dan DBKL Tingkat Kerjasama Penyelidikan Bidang Automotif



PDRM Anjur Taklimat Isu Keselamatan Negara

**BANK ISLAM**  
Melestarikan Komuniti Berkecukupan  
SERAH RM 30 RIBU  
WANG ZAKAT KEPADA UTeM

# Isi Kandungan

## April - Mei

- 2 **UTeM Raih 11 Pingat di ITEX 2013**
- 3 **Bank Islam Serah RM 30 Ribu Wang Zakat Kepada UTeM**
- 4 **UTeM Umum Pelantikan Timbalan-Timbalan Naib Canselor**
- 5 **UTeM Menyinar di I-ENVEK 2013**
- 6 **Imagine Cup Malaysia 2013 Lahir Pencipta Perisian Beraraf Dunia**
- 7 **Infinoon Week 2013 Dekatkan Mahasiswa UTeM Dengan Industri**
- 8 **UTeM dan DBKL Tingkat Kerjasama Penyelidikan Bidang Automotif**
- 9 **PDRM Anjur Taklimat Isu Keselamatan Negara**
- 10 **Penganjuran UTeM RoboRace Challenge 2013 Capai Matlamat**
- 11 **FTK Anjur Program Indukal Kepada Staf Baharu di Peringkat Fakulti**
- 12 **FTK Laksana Bengkel ETAC Persediaan Akreditasi MBOT**
- 13 **Malaysia International Spring Fest 2013 UTeM Berlangsung Meriah**
- 14 **Warga UTeM Cipta Sejarah Tawan Dua Gunung Berapi Indonesia**
- 15 **BAKUTEM Komited Laksana Tanggungjawab**
- 16 **Pelajar FPTT Timba Pengalaman Berharga Melalui Lawatan Industri**
- 17 **UTeM Pamer Saingan Mantap di MIBoC 2013**
- 18 **Canselor Juara Cabaran Basikal Lasak Sukan Antara Jabatan UTeM 2013**
- 19 **Mahasiswa UTeM Pamer Kecemerlangan di Eco Run 2013**
- 20 **Majlis Perwakilan Pelajar UTeM Laksana Tanggungjawab Bangunkan Pemimpin Sekolah**
- 21 **Mahasiswa UTeM Anjur Program Jalan Kerjasama Dengan Universiti Malaysia Pahang**
- 22 **Seminar Peruncitan dan Francis 2013 Galak Aktiviti Keusahawanan Mahasiswa**
- 23 **INVENTORS Bawa Cabaran UTeM Di Imagine Cup 2013**
- 24 **Skuad Ragbi UTeM Raih Juara Kategori Baw MASUM 7's**
- 25 **UTeM Kuasai Kejohanan Futsal IPT 2013 Zon Timur**
- 26 **Mahasiswa Diberi Pendedahan Pengurusan Acara Sukan Peringkat Kebangsaan**
- 27 **MPP Anjur Kamival Buku dan Komputer**
- 28 **Rekreasi Bersama Naib Canselor**
- 29 **Kelab Usrah Pejabat HEPA Sambut Hari Keluarga**
- 30 **UTeM Tuan Rumah Sukan MASUM Sisi 1**
- 31 **Kompilasi Keratan Akhbar April / Mei 2013**



# UTeM Raih 11 Pingat di ITEX 2013

**11 Mei** : Penyelidik UTeM terus mencipta kejayaan gemilang ketika menyertai International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2013 (ITEX 2013) di Kuala Lumpur yang berakhir hari ini.

Pada pertandingan inovasi tersebut, pasukan penyelidik UTeM telah meraih lima pingat emas, lima perak dan satu gangsa menjadikan sejumlah 11 pingat diraih melalui produk-produk inovasi yang dipertandingkan.

Daripada jumlah tersebut, produk penyelidikan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) mendahului senarai dengan menyumbang tiga pingat emas, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) masing-masing satu pingat emas.


Kejayaan itu turut mendapat perhatian syarikat-syarikat serta agensi pengkomersilan dari dalam dan luar negara untuk menjalinkan rangkaian strategik dalam memasarkan produk tersebut ke peringkat global.

Produk lain yang dipertandingkan meliputi pelbagai bidang antaranya teknologi pintar, bahan kejuruteraan, teknologi hijau serta perkakasan yang memberi kemudahan dalam kehidupan harian.

Bagi Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, kejayaan penyelidik universiti itu di ITEX 2013 merupakan perangsang kepada ahli akademik lain untuk menggiatkan usaha meningkatkan kualiti penyelidikan seterusnya mencipta kejayaan dalam pertandingan akan datang.

lanya juga sebagai satu cabaran untuk membuktikan hasil inovasi dari Malaysia mampu memberi impak besar kepada perkembangan teknologi masa kini.

Beliau menambah, UTeM sebagai IPTA teknikal di negara ini akan terus menggandakan usaha untuk mempelopori bidang penyelidikan berteraskan teknologi tinggi bagi merealisasikan visi ke arah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.





# BANK ISLAM SERAH **RM 30 RIBU** WANG ZAKAT KEPADA UTeM

**12 April** : Bank Islam Malaysia Berhad tampil menyerahkan wang zakat berjumlah RM 30 ribu kepada UTeM dalam satu majlis yang diadakan di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk Durian Tunggal.

Sumbangan zakat tersebut diserahkan oleh Pengerusi Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam Malaysia Berhad, Dr. Ahmad Shahbari@Sobri Salamon kepada Bendahari UTeM, Khairul Taib.

Menurut Khairul, sumbangan itu akan disalurkan kepada warga universiti yang tergolong dalam kategori penerima zakat khususnya mahasiswa.

"Pihak UTeM sangat menghargai keprihatinan Bank Islam dalam menyalurkan wang zakat kepada universiti dan ianya bakal memberi manfaat besar kepada penerima yang layak," jelas Khairul.

Sementara itu, Dr. Ahmad Shahbari yang ditemui berharap pihak UTeM dan Bank Islam akan terus mengeratkan lagi hubungan silaturahim melalui penganjuran aktiviti secara bersama pada masa akan datang.

Dalam majlis yang sama, Ketua Bahagian Syariah Bank Islam Malaysia, Mohd Nazri Chik turut menyampaikan tazkirah bertajuk "Muamalat Tanpa Riba" kepada warga universiti yang hadir ke majlis itu.



## UTeM UMUM PELANTIKAN TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSOLOR

**16 April** : UTeM hari ini mengumumkan pelantikan Prof. Dr. Shahrin Sahib sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) untuk tempoh selama tiga tahun berkuatkuasa mulai 16 April 2013 hingga 15 April 2016.

Beliau menggantikan Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi yang kini dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Turut diumumkan pelantikan Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) menggantikan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman untuk tempoh selama tiga tahun berkuatkuasa mulai 15 April 2013 hingga 14 April 2016.

Sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahrin terdahulu memegang jawatan sebagai Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) UTeM.

Berasal dari Segamat, Prof. Dr. Shahrin merupakan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Parallel Processing dari University of Sheffield, United Kingdom. Memulakan perkhidmatan di UTeM pada tahun 2002 dan seterusnya dilantik sebagai Dekan FTMK pada tahun 2006.

Beliau juga pernah berkhidmat di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik di Jabatan Pengajian Tinggi serta dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Kluster ICT Majlis Professor Negara.

Manakala Prof. Madya Dr. Izaidin pula memegang jawatan sebagai Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pembelajaran Berterusan (PPKPB) sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Dr. Izaidin yang berasal dari Tronoh, Perak memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari The Hunter Centre for Entrepreneurship (HCE), University of Strathclyde, Glasgow United Kingdom dalam bidang keusahawanan pada tahun 2006.

Beliau yang berkhidmat di UTeM sejak tahun 2001 pernah memegang beberapa jawatan penting antaranya Timbalan Dekan di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) di samping aktif dalam bidang penulisan jurnal serta terlibat dalam pengurusan aktiviti keusahawanan mahasiswa di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi.




**Menyinar di  
i-ENVEX  
2013**

**18 April :** Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) meraih kejayaan membanggakan di pertandingan International Engineering Invention and Innovation Exhibition (i-ENVEX) 2013.

Pertandingan inovasi itu melibatkan ratusan penyertaan dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S) dari seluruh Malaysia bersaing mempamerkan kehebatan produk penyelidikan dan inovasi masing-masing.

Pada pertandingan tersebut, FKE berjaya merangkul tiga pingat emas, lima pingat perak dan tiga pingat gangsa termasuk dua Anugerah Khas manakala FTK meraih empat pingat emas, enam pingat gangsa dan satu Anugerah Khas.

Antara produk dari FKE yang berjaya merangkul Anugerah Khas tersebut ialah "Real Time Power Quality Monitoring System" oleh Dr. Abdul Rahim Abdullah bersama kumpulannya.

Sementara itu, produk "Integrated Energy and Water Metering System (EnWat)" hasil usahasama Ruzaini Hashim bersama kumpulannya berjaya mendapat tempat di hati juri untuk memenangi pingat emas beserta Anugerah Khas.

Manakala produk Ferris Bookshelf dari FTK berjaya mendapat Anugerah Khas dalam Kategori Intelektual Property IP Pintar menampilkan rekaan rak buku dengan konsep ferris wheel dalam rekabentuknya.


Produk ini juga turut mendapat pingat emas bersama produk-produk FTK yang lain seperti Solar Tracker Controlled by Database (SOTDA), Green Energy From Tap Water (GET-WATT), dan Multiple Function Emergency Sign.

i-ENVEX 2013 dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dimeriahkan dengan kehadiran penyelidik dan pelawat terdiri daripada pelajar, ahli akademik dan staf dari pelbagai universiti dan institusi dari dalam dan luar negara.



# imagine X cup | MALAYSIA 2013 LAHIR PENCIPTA PERISIAN BERTARAF DUNIA

LANGKAWI



**16 Mei** : Pertandingan mencipta perisian (software) yang dikenali sebagai Imagine Cup 2013 peringkat kebangsaan berlangsung di Langkawi menyaksikan 21 pasukan daripada universiti awam dan swasta terpilih untuk merebut tempat mewakili negara ke peringkat akhir antarabangsa yang dijadualkan pada bulan Julai ini di St Petersburg, Russia.

Peserta yang mengambil bahagian berpeluang mempersembahkan hasil ciptaan kepada umum melalui tapak pameran yang disediakan untuk orang ramai. Sambutan daripada sekolah-sekolah sekitar Langkawi amat membanggakan apabila kira-kira 500 pelajar hadir bagi menyaksikan dan mencuba perisian yang dihasilkan dengan lebih dekat.

Hadir pada malam kemuncak Imagine Cup 2013 ialah Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran, Prof. Morshidi Sirat.

Dalam ucapannya beliau berkata, pertandingan mencipta perisian seperti itu akan melahirkan mahasiswa yang kreatif, berani mencuba sesuatu yang baru serta memiliki keyakinan yang tinggi.

Manakala Pengerusi penganjuran Imagine Cup 2013, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang juga Naib Canselor UTeM ketika ditemui media berkata, mutu perisian yang dihasilkan oleh peserta tahun ini sangat mengagumkan dengan pengenalan idea-idea yang bernas dan sangat membantu dalam kehidupan manusia.

Katanya lagi inisiatif Kementerian Pelajaran, Microsoft, MDeC dan sokongan padu daripada Prestariang Systems dalam menganjurkan pertandingan sedemikian dapat meningkatkan kreativiti mahasiswa sejajar dengan matlamat kerajaan yang mahu melahirkan graduan yang matang dan berfikiran global.

Imagine Cup 2013 peringkat kebangsaan telah dimenangi oleh pasukan Triton dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerusi perisian "Switch-Fly" yang mengawal fungsi suis elektrik di rumah melalui rangkaian internet.

Selaku juara, pasukan Triton membawa pulang hadiah wang tunai RM 10,000 serta berpeluang menyaksikan pertandingan akhir Imagine Cup peringkat dunia di St. Petersburg, Russia pada bulan Julai nanti.



**8 Mei** : Kerjasama erat di antara pihak industri dan UTeM telah memberi peluang kepada mahasiswa menimba pengalaman berharga dalam bidang kejuruteraan berteknologi tinggi.

Infineon Technologies (Malaysia) Sdn Bhd dengan kerjasama Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) telah menganjurkan Infineon Week 2013 bertujuan memberi pendedahan industri dengan lebih mendalam kepada mahasiswa.

Menurut Pengarah Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat UTeM, Prof. Madya Dr. Chong Kuan Eng berkata, penganjuran Infineon Week 2013 merupakan lanjutan kepada hubungan strategik antara kedua-dua belah pihak.

“Penganjuran program ini membolehkan pelajar mendapat pendedahan secara realiti berkaitan peluang pekerjaan serta teknologi yang digunakan dalam industri seterusnya mendorong peserta untuk berjaya dalam bidang diceburi,” jelas Dr. Chong.



# INFINEON Week 2013

DEKATKAN MAHASISWA UTeM dengan industri



Menurutnya lagi, pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang Infineon Week 2013 antaranya lawatan ke kilang Infineon yang terletak di kawasan perindustrian Batu Berendam, taklimat kerjaya, pertandingan IT serta perkongsian pengalaman bersama alumni UTeM yang kini berkhidmat di syarikat itu.

Presiden merangkap Pengarah Urusan Infineon Technologies (Malaysia) Sdn Bhd, Dr. Matthias Ludwig yang hadir dalam majlis penutup yang diadakan di Kampus Induk UTeM berkata, program tersebut merupakan satu kesinambungan kepada hasrat syarikat untuk bekerjasama dengan UTeM dalam melahirkan tenaga mahir berkemahiran tinggi.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada pengurusan UTeM yang sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai program yang telah memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi dan berharap agar kerjasama bidang penyelidikan dapat dimantapkan lagi.

Majlis penutup Infineon Week 2013 telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin.



**UTeM**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# UTeM dan DBKL

## Tingkat Kerjasama Penyelidikan Bidang Automotif



**27 Mei** : UTeM dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini melakar satu lagi sejarah apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi meningkatkan kerjasama erat khususnya dalam bidang automotif.

Permeteraan dokumen tersebut adalah hasil kerjasama dua hala di antara UTeM dan Kumpulan PILOT terdiri daripada pembantu Tadbir Kanan, Penolong Jurutera dan Pemandu DBKL yang menyertai Konvensyen KIK pada tahun 2011.

Kumpulan tersebut telah menghasilkan ciptaan Triple S, iaitu sebuah alat yang menghadkan kelajuan sesebuah kenderaan seterusnya berfungsi untuk mengurangkan kadar kemalangan jalanraya.

Alat itu kemudiannya telah dipatenkan melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan melalui kerjasama UTeM ianya telah dimajukan lagi dan dikenali sebagai **Non Deactivated Speed Limiter**.

Sehubungan dengan itu, ketika berlangsungnya Sambutan Hari Pekerja Peringkat DBKL 2013, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Haji Amad Phesal Haji Talib dan Naib Canselor UTeM prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah menandatangani MoU tersebut bagi meningkatkan lagi kerjasama antara kedua-dua belah pihak.



# PDRM

## Anjur Taklimat Isu Semasa Keselamatan Negara



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**16 April** : Polis Diraja Malaysia (PDRM) hari ini menganjurkan sesi taklimat isu semasa untuk warga kerja UTeM bertempat di Dewan Besar Kampus Induk.

Senior Assistant Commissioner Datuk Mohd Sofian Md Makinuddin, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Ancaman Ekstremis Sosial, Cawangan Khas, Bukit Aman hadir memberi taklimat kepada kakitangan UTeM.

Menurut beliau, taklimat itu diadakan untuk memberikan pendedahan semasa kepada warga universiti yang merupakan penjawat awam tentang hal-hal semasa yang berlaku di dalam negara.

Tambah beliau lagi, isu-isu semasa yang diketengahkan menjurus kepada perkara-perkara yang boleh menyumbang dalam aspek menjaga keamanan dan keharmonian sejagat sebagai kakitangan awam.

"Dengan adanya sesi taklimat ini maka kakitangan UTeM mendapat maklumat lanjut dan terkini serta sahih tentang isu-isu semasa serta peranan kerajaan dalam memupuk budaya hidup sejahtera menerusi kepelbagaian bangsa dan agama di negara kita," jelasnya.

Pengurusan kanan universiti bersama lebih seribu orang kakitangan daripada pelbagai peringkat dan jawatan merangkumi kakitangan akademik dan bukan akademik telah hadir mendengar taklimat tersebut.





# Penganjuran UTeM ROBORACE Challenge 2013 Capai Matlamat

**24 April** : UTeM terus mempelbagaikan kaedah dalam menyuntik pemikiran kreatif serta memberi pengalaman sebenar kepada mahasiswanya dalam mempraktikkan ilmu teknikal.

Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) hari ini menganjurkan RoboRace Challenge 2013 bertempat di lobi fakulti itu yang berjaya menghimpunkan penyertaan 16 buah pasukan untuk merebut gelaran juara.

Menurut pengerusi jawatankuasa penganjuran pertandingan, Ahmad Fadzli Nizam Abdul Rahman berkata, UTeM RoboRace Challenge memasuki edisi keenam penganjurannya pada tahun ini dan sambutan yang diterima pihaknya sangat menggalakkan.

"Pertandingan ini memerlukan peserta menghasilkan program komputer untuk memandu robot dan bergerak sambil mengelak halangan yang terdapat di sepanjang laluan disediakan," jelas Ahmad Fadzli.



Katanya lagi, pertandingan itu bertujuan untuk menguji kepakaran peserta dalam menghasilkan program komputer dan secara tidak langsung meningkatkan daya kreativiti mereka khususnya dalam bidang teknikal.

"Kaedah pembelajaran seperti penganjuran pertandingan teknikal sebegini bukan sahaja memberi kepuasan kepada peserta malah membantu dalam melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi," jelas beliau.

Johan UTeM RoboRace Challenge 2013 dimenangi oleh kumpulan Repeater yang dianggotai oleh Muhammad Ammar Akop, Mohd Shahzihan Md Salih dan Mohd Afifi Ibrahim dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

Manakala kumpulan Wheellie terdiri daripada Siti Asmah Bero, Nur Fatimah Abd. Ghani dan Siti Fairuz Abdullah dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) di tangga kedua dan kumpulan Robotech dianggotai oleh Shamala a/p Vadivelu, Yap Tian Bee dan Soh Jia Shan juga dari fakulti sama meraih tempat ketiga.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid.

# FTK Anjur Program Induksi

## kepada Staf Baharu di Peringkat Fakulti



9 April : Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah menganjurkan program induksi di peringkat fakulti untuk staf baharu dan staf yang kembali bertugas dari cuti belajar baru-baru ini.

Program ini julung kalinya diadakan bagi menyalurkan maklumat secara terperinci dan komprehensif kepada staf yang baharu melapor diri serta staf baharu kembali bertugas dari cuti belajar.

Menurut Dekan FTK Profesor Madya Mohd Rahimi Yusoff, walaupun program induksi ini telah diadakan di peringkat universiti, namun pihak fakulti mengambil inisiatif menganjurkannya bagi memberi kefahaman yang lebih jelas kepada warga fakulti berhubung visi, misi, objektif serta halatuju fakulti.

“Penganjuran program yang berimpak ini turut menjadi medan untuk mendapatkan maklumat terperinci dan terkini berhubung struktur fakulti merangkumi pelbagai

cabang seperti pentadbiran, akademik serta jawatankuasa-jawatankuasa yang bernaung di bawah FTK serta menjadi platform kepada staf baharu untuk mengenali pengurusan utama fakulti di samping berinteraksi langsung dengan rakan sekerja baharu”, ujar beliau.

Seramai 20 orang staf terdiri daripada pensyarah, jurutera pengajar dan staf pentadbiran menyertai program ini. Antara penceramah yang terlibat adalah Dekan FTK, Timbalan Dekan Akademik, Ahmad Zubir Jamil, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri, Rohana Abdullah serta Ketua Penolong Pendaftar Azhar Mohd Salleh.



## FTK LAKSANA BENGKEL ETAC PERSEDIAAN AKREDITASI MBOT

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah mengadakan “Bengkel Semakan Semula Dokumen Manual dan Standard Engineering Technology Council”, (ETAC) sebagai persediaan bagi mendapatkan akreditasi penuh daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membuat manual pemetaan bagi program-program akademik yang ditawarkan di FTK sebagai persediaan awal fakulti menghadapi sesi audit oleh pihak MBOT. Untuk rekod, MBOT adalah merupakan sebuah badan yang memberikan status profesional kepada graduan-graduan yang mengikut program-program ijazah dalam bidang Teknologi Kejuruteraan sebagaimana yang ditawarkan oleh FTK UTeM.

Dalam ucapan aluannya kepada seramai 30 orang peserta, Dekan FTK, Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff menegaskan bahawa pihak fakulti meletakkan keyakinan penuh terhadap penghasilan dokumen tersebut bagi membantu fakulti memperolehi akreditasi dan seterusnya mendapat pengiktirafan terhadap kesemua program-program ijazah Teknologi Kejuruteraan yang ditawarkan oleh FTK





# Malaysian International SPRING FEST 2013 UTeM Berlangsung Meriah

**21 April** : Festival Musim Bunga (Spring Festival) anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina (KKKC) dengan kerjasama Unit Kebudayaan dan Warisan UTeM berlangsung meriah di Dewan Besar Kampus Induk.

Majlis dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid. Turut hadir penasihat KKKC, Dr. Tay Choo Chuan, Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar UTeM (MPP) Muhamad Noor Rushdan Abdullah, pegawai-pegawai HEPA dan lebih 1500 tetamu jemputan, pelajar dan masyarakat setempat.



Antara yang menarik perhatian penonton ialah persembahan gendang, persembahan tarian singa, tarian tradisional Malaysia, persembahan koir oleh pelajar UTeM, persembahan akrobatik, persembahan Wushu dan persembahan lukisan pasir oleh pelukis jemputan.

Sementara itu, Dr. Izaidin berkata, penganjuran program terbabit adalah bagi memastikan kesinambungan budaya warisan bangsa dipelihara di samping meningkatkan ikatan perpaduan antara warga universiti yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Mahasiswa dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Multimedia (MMU) serta pelajar-pelajar antarabangsa UTeM turut hadir memeriahkan majlis berkenaan.

Menurut pengarah program, Chan Chun Yew, objektif program itu diadakan adalah bagi memupuk semangat Malaysia dan mengeratkan hubungan antara mahasiswa UTeM, memperkenalkan kebudayaan Cina kepada kaum lain supaya dapat menambahkan pemahaman tentang budaya ini dan memupuk perpaduan di kalangan mahasiswa UTeM yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum.





# WARGA UTeM CIPTA SEJARAH TAWAN DUA GUNUNG BERAPI INDONESIA

**3 Mei** : Seramai 14 orang warga kerja UTeM mencatat sejarah gemilang apabila berjaya menawan puncak Gunung Semeru dan Gunung Bromo di Pulau Jawa Indonesia hari ini.

Gunung Semeru merupakan antara gunung berapi yang masih aktif mempunyai ketinggian 3,676 meter dari aras laut merekodkan letusan terakhir pada bulan Februari 1994 manakala Gunung Bromo yang terletak 2,329 dari aras laut turut tersenarai sebagai gunung berapi aktif.

Ketua ekspedisi, Mohd Rusdi Isohod berkata, kejayaan menakluki kedua-dua gunung itu adalah kesinambungan daripada kejayaan menawan Gunung Kerinci juga di Indonesia pada tahun lepas.

Menceritakan pengalaman menawan puncak gunung-gunung itu, Mohd Rusdi menjelaskan, cabaran utama yang ditempuhi ialah cuaca yang sejuk di samping bentuk muka bumi yang ekstrem namun berkat kesungguhan dan semangat berpasukan, halangan tersebut berjaya dihadapi.

"Walaupun menempuh pelbagai halangan dari segi mental dan fizikal serta cuaca sejuk, kumpulan kami telah berjaya membuktikan semangat berpasukan serta disiplin yang tinggi merupakan kunci utama dalam menentukan kejayaan misi ini," kata Rusdi.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada pihak pengurusan universiti serta badan-badan korporat yang telah memberikan sokongan dan bantuan bagi merealisasikan hasrat menawan kedua-dua gunung itu.

Kejayaan mengibarkan Jalur Gemilang dan bendera UTeM di puncak gunung tersebut merupakan satu pengalaman bermakna bagi pasukan itu dan secara tidak langsung melakar sejarah tersendiri bagi universiti.

Dalam pada itu, Rusdi menjelaskan bahawa pasukannya merancang untuk menggiatkan aktiviti pengembaraan gunung kepada warga universiti bagi mewujudkan semangat berpasukan yang jitu serta membudayakan gaya hidup sihat.





# BAKUTeM

## Komited Laksana Tanggungjawab



**17 April** : Badan Kebajikan Kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (BAKUTeM) terus komited dalam melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan kepentingan kakitangan universiti khususnya hal berkaitan kebajikan terus terbela.

BAKUTeM yang ditubuhkan berfungsi untuk menjaga kebajikan kakitangan UTeM di samping menganjurkan pelbagai aktiviti komuniti yang memberi manfaat kepada ahli mahupun keluarga di samping masyarakat setempat.

Dalam mesyuarat agung yang diadakan baru-baru ini, turut menyaksikan Zainal Bidin, Pengarah Pejabat Khidmat Pengurusan, Canselori UTeM telah dilantik semula sebagai Yang Di-Pertua BAKUTeM buat kali kedua.



Beliau telah dipilih sebulat suara oleh ahli-ahli yang hadir terdiri daripada kakitangan UTeM pelbagai peringkat yang turut menyaksikan 80 peratus lantikan ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada muka-muka baru dari pelbagai jabatan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid. Turut hadir Bendahari UTeM, Khairul Taib serta pegawai-pegawai kanan universiti dan lebih 500 kakitangan universiti itu.



Di dalam ucapan penangguhannya, Zainal mengharapkan semua ahli dapat membantu dan bekerjasama erat menjayakan setiap aktiviti yang akan dianjurkan.

"Pelbagai aktiviti berbentuk pembangunan komuniti akan dilaksanakan dan peranan BAKUTeM dalam menyemarakkan hubungan sesama staf akan terus dipertingkatkan termasuk hal-hal berkaitan kebajikan ahli," jelas Zainal ketika ditemui di akhir mesyuarat.

Dalam pada itu, BAKUTeM telah mewujudkan pelbagai biro bagi memastikan kelancaran penganjuran aktiviti antaranya biro ekonomi, biro kebajikan dan sosial, biro aktiviti dan sukan, biro promosi dan publisiti, biro hal ehwal wanita, biro pendidikan dan kerohanian, biro penerbitan dan biro tugas-tugas khas.



## PELAJAR FPTT TIMBA PENGALAMAN BERHARGA MELALUI LAWATAN INDUSTRI

**14 Mei** : Seramai 40 orang pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) berpeluang memahami konsep, strategi peruncitan dan francais di Coca-Cola Bottlers Malaysia Sdn. Bhd. yang terletak di Bandar Enstek, Negeri Sembilan.

Menurut penasihat program, Isma Addi Jumbri berkata, objektif lawatan tersebut adalah memberikan pemahaman mengenai konsep peruncitan dan francais yang dipelajari di dalam kelas khususnya kepada pelajar yang mengambil subjek elektif Pengurusan Peruncitan dan Francais.

"Pelajar berpeluang melihat sendiri proses pembuatan, pengeluaran dan pembungkusan produk-produk yang dikeluarkan oleh Coca-Cola Bottlers Malaysia dan lawatan ini memberi pengetahuan lebih mendalam mengenai konsep peruncitan yang diamalkan syarikat tersebut," jelas Isma.

Pengurus Perhubungan Luar dan Pentadbiran Coca-Cola Bottlers Malaysia, Rosnah Zakaria telah menyampaikan taklimat mengenai sejarah pengilangan dan konsep

francais di Coca-Cola. Beliau turut berkongsi pengalaman dan pendekatan Coca-Cola Bottlers Malaysia dalam memastikan produk mereka yang dikategorikan sebagai Barangan Pengguna Bergerak Pantas (FMCG) dalam industri peruncitan terus bertahan.

Rosnah turut menjelaskan bahawa Coca-Cola Bottlers Malaysia sangat komited mengamalkan teknologi hijau dan telah berjaya mendapat pengiktirafan United State Green Building Council (USGBC) melalui pendekatan Leadership in Energy and Environmental Design (LEED) serta inovasi Energy Management System (EMS) dalam sistem penyejukan produk mereka.

Manakala Pengurus Pembangunan Organisasi dan Pembelajaran Coca-Cola Bottlers Malaysia, Shalini Loganathan pula menyampaikan taklimat mengenai peluang kerjaya yang terbuka luas di syarikat tersebut.





# UTeM Pamer Saingan Mantap di MIRC 2013



Kesungguhan dan komitmen ditunjukkan oleh pasukan UTeM yang menyertai Malaysia International Robot Competition 2013 (MIRoC 2013) nyata membuahkan hasil apabila berjaya merangkul gelaran bagi kategori paintball dan rope climbing robot baru-baru ini.

Dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), keadaan tapak pertandingan bagaikan medan peperangan apabila robot-robot yang dibangunkan oleh peserta bergerak maju ke hadapan sambil melepaskan tembakan paintball ke arah lawan dan mendirikan bendera pasukan di kawasan sasaran.

Menurut pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Siti Aisyah Anas selaku penasihat pasukan paintball robot UTeM berkata, kategori itu merupakan satu pertandingan di antara robot-robot yang dihasilkan untuk menakluki kawasan musuh dengan mendirikan bendera di kawasan sasaran.

Siti Aisyah menjelaskan, pasukan UTeM menggabungkan kepakaran dari FKEKK dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) untuk membina robot yang mantap serta mampu bergerak pantas di samping memiliki mekanisme untuk mendirikan bendera di kawasan lawan dengan mudah.

Perlawanan akhir menentang UPM berlangsung sengit namun kawalan jitu dan semangat juang yang ditunjukkan oleh ahli-ahli dalam pasukan UTeM berjaya memenangi pertandingan dengan kiraan mata 5-0.

Manakala menurut Ma Tien Choon, selaku penasihat pasukan FKE, kategori Rope Climbing Robot merupakan satu pertandingan di mana robot yang dihasilkan perlu memanjat dan melepaskan damak pada plat sasaran yang telah disediakan setelah selesai mendaki dua tali berbeza ketinggian.

Katanya lagi, anak didik beliau telah mempamerkan prestasi yang mantap sepanjang pertandingan berkenaan dan pujian harus diberikan di atas komitmen dan semangat berpasukan sehingga meraih kejayaan.

Pada peringkat penentuan tempat ketiga dan keempat, pasukan FKE berjaya menampilkan persaingan mantap menghadapi robot pasukan UTeM FKE A seterusnya berjaya meraih tempat ketiga kategori tersebut.

Meskipun tidak bergelar juara, pasukan FKE masih lagi berpuashati apabila berjaya meraih tempat pertama kategori poster terbaik.








# Canselori Juara Cabaran Basikal Lasak

## Sukan Antara Jabatan UTeM 2013

**27 April** : Pasukan Canselori mengungguli cabaran basikal lasak dalam Sukan Antara Jabatan yang diadakan di Kampus Induk Durian Tunggal.

Pada kejohanan tersebut, pasukan Canselori yang diwakili oleh Muhd Huzaimi Ghazali, Mohamad Taufik Osman, Hisyamuddin Jamari, Nor Faraheen Ahmad dan Siti Hawa Ahmad Dahan telah menunjukkan kayuhan mantap dengan mencipta masa terpantas seterusnya bergelar juara mengenyepikan cabaran peserta lain.

Menurut pengurus pasukan Canselori, Nurhafidz Abdul Sahak berkata, laluan basikal lasak yang disediakan penganjur meliputi kawasan semulajadi yang terdapat di Kampus Induk dengan 90 peratus daripadanya adalah berbukit curam, berlokap dan keadaan itu menambah kesukaran perlumbaan.



"Laluan off-road yang disediakan penganjur sangat menguji kecekapan dan kemahiran peserta namun pasukan Canselori berjaya mengharungi cabaran tersebut untuk muncul sebagai juara pada tahun ini," kata Nurhafidz ketika ditemui di akhir perlumbaan.

Jelasnya lagi, format pertandingan yang diadakan adalah berdasarkan catatan masa terbaik berkumpul dan faktor semangat berpasukan menjadi penentu kepada kemenangan Canselori.

Kejayaan manis turut dilakar oleh peserta wanita Canselori apabila Siti Hawa Ahmad Dahan mencatat masa terpantas seterusnya melonjakkan kutipan mata pasukan itu.

Tempat kedua dirangkul oleh pasukan dari Pejabat Pembangunan dan tempat ketiga disandang oleh pejabat Bendahari.



# Mahasiswa UTeM Pamer Kecemerlangan di Eco Run 2013

**18 Mei** : Seramai 40 mahasiswa UTeM terpilih untuk menyertai Program Larian Hijau (Eco-Run) sempena Hari Sambutan Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Melaka baru baru ini.

Program anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka yang julung kali diadakan itu bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang kesedaran melestarikan alam sekitar dan peranan semua pihak termasuk mahasiswa.

Pengetua Kolej Kediaman UTeM, Dr. Wan Hasrulnizam Wan Mahmood selaku pengurus pasukan berkata, daripada lapan kumpulan mahasiswa UTeM yang bertanding dalam program larian tersebut, tujuh

daripadanya mendapat tempat 30 terbaik daripada lebih 100 kumpulan yang mendaftar sekaligus disenaraikan sebagai penerima hadiah pertandingan.

"Lebih membanggakan apabila dua kumpulan mahasiswa tersebut mendapat tempat 10 terbaik serta mempamerkan kepintaran menjawab soalan tentang pengetahuan alam berkenaan dengan alam sekitar," jelas Dr. Wan.

Beliau juga menyifatkan program itu sebagai satu platform kepada mahasiswa UTeM untuk terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan dan mengetengahkan mahasiswa kepada pihak luar.

"Penglibatan dalam program seperti ini jelas memperkasakan mental dan fizikal generasi muda khususnya mahasiswa untuk mengetahui dan memahami isu semasa berkaitan alam sekitar dan penganjuran program sebegini patut disokong oleh semua pihak," jelasnya lagi.

Salah seorang peserta dari UTeM, Muhammad Raziman Abdul Razak, 24, berkata program itu dapat memberi peluang kepada mahasiswa untuk menjalinkan hubungan rapat dengan Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain jabatan kerajaan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

"Sebagai bakal jurutera, permasalahan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama malah perlu diberikan perhatian yang serius dari awal lagi supaya generasi akan datang lebih menghargainya," kata Raziman.

# Majlis Perwakilan Pelajar UTeM

## Laksana Tanggungjawab Bangunkan Pemimpin Sekolah



18 Mei : Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Gangsa, Durian Tunggal telah menganjurkan Program Motivasi Hebat dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di Pusat Persatuan Pelajar Kampus Induk.

Menurut Yang Di-Pertua MPP UTeM, Muhamad Noor Rushdan Abdullah berkata, program itu dianjurkan bagi mendekatkan lagi mahasiswa bersama pelajar-pelajar sekolah sekitar negeri Melaka melalui

penganjuran pelbagai aktiviti bersifat motivasi.

"Di samping itu, program ini juga bertujuan memperkenalkan UTeM kepada pelajar-pelajar supaya mereka menanamkan minat dengan kursus yang ditawarkan lebih-lebih lagi dalam bidang kejuruteraan," kata Rushdan.

Program itu turut dijayakan oleh Pembantu Rakan Sebaya UTeM dengan menjalankan Latihan Dalam Kumpulan (LDK) serta permainan bercorak kepimpinan dan motivasi.

Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Rashidah Ismail ketika ditemui berkata, program itu merupakan satu bentuk kerjasama strategik antara sekolahnya dan universiti dalam membantu melahirkan pemimpin pelajar yang berkredibiliti tinggi.

Jelasnya, melalui pengisian program itu, pembentukan disiplin dan ketrampilan diri pengawas sekolah dan PRS diharapkan dapat melahirkan pemimpin muda yang berdedikasi serta amanah.

"Pihak sekolah sangat mengharapkan program ini dapat melahirkan serta membentuk pemimpin muda berwibawa, mampu menjalankan tugas diamanahkan serta menjadi pengawas dan PRS yang disenangi oleh rakan-rakan dan juga guru," jelasnya.

## Mahasiswa UTeM anjur program jalin kerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang



Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) terus memperkasakan pembangunan sahsiah mahasiswanya melalui penganjuran aktiviti interaksi antara universiti.

Baru-baru ini seramai 36 orang pelajar diiringi tiga orang pensyarah dari fakulti itu telah mengadakan program lawatan muhibah ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Pekan, Pahang.

Menurut pengarah program, Nur Sufiah Akmala Ramdan berkata, aktiviti itu bertujuan melaksanakan pertukaran ilmu dan menggalakkan jalinan kerjasama di antara mahasiswa UTeM dan UMP.

"Satu sesi dialog di antara mahasiswa dan pensyarah UTeM dan UMP telah diadakan dan melalui program tersebut peserta dapat menimba pelbagai maklumat baru berkaitan silibus pengajian, latihan industri, konsep pengajian serta keperluan kerjasama pada masa hadapan," jelas Sufiah.

Jelasnya lagi, program itu dapat memupuk sifat kepimpinan, kerjasama dan hubungan lebih erat antara pelajar UTeM dan UMP serta dapat melahirkan graduan yang berdaya saing serta mempunyai semangat berpasukan tinggi.

Selesai program di UMP, delegasi UTeM bertolak menuju ke Pulau Perhentian bagi aktiviti pembinaan pasukan dengan menjalankan beberapa aktiviti bagi meningkatkan semangat dan penghayatan kecemerlangan.

Aktiviti yang diadakan adalah seperti uji minda berkumpulan dan beberapa cabaran fizikal lain. Pertandingan sukan seperti bola tampar pantai turut diadakan untuk menguji kekuatan dan mendorong semangat setiakawan.



# Seminar Peruncitan dan Francais 2013

## Galak Aktiviti Keusahawanan Mahasiswa



**30 April** : Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT), dengan kerjasama Majlis Tindakan Ekonomi dan Sosial Bumiputera (MTESB) Melaka menganjurkan Seminar Peruncitan dan Francais 2013 bertempat di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Jalan Hang Tuah.

Seramai 80 orang pelajar terdiri daripada para pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Inovasi) Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pemasaran Teknologi Tinggi) Kepujian telah menyertai seminar sehari tersebut.

Menurut pensyarah dan penasihat seminar, Isma Addi Jumbri berkata, program itu merupakan seminar berkala

dianjurkan FPTT bagi mendedahkan pelajar dengan dunia keusahawanan terutama bidang peruncitan dan francais.

Seramai tiga orang wakil industri telah dijemput iaitu Muhammad Hafizi Sulaiman, Pegawai dari Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Azhar Manap, Ketua Penolong Pengarah KPDNKK dan Mohd. Solehin Salleh mewakili MyDin Mohamad Holding Bhd.

"Antara pengisian seminar tersebut adalah taklimat mengenai kelebihan perniagaan francais, pembiayaan dan bantuan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan serta pemasaran perniagaan francais di peringkat antarabangsa," jelas Isma.

Manakala pihak KPDNKK dan MyDin pula memperjelaskan isu dan sumbangan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) kepada ekonomi negara dan rakyat.

Seminar telah dirasmikan oleh Datuk Hj. Hasnoor Bin Sdg. Husin, Pengarah MTESB. Dalam ucapannya beliau berharap agar mahasiswa UTeM dapat menggiatkan diri menceburi bidang keusahawanan.

Selain itu, beliau turut menggalakkan golongan muda melibatkan diri dalam bidang keusahawanan kerana bidang itu dapat memberikan sumbangan besar kepada negara seperti peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

## INVENTORS bawa cabaran UTeM di Imagine Cup 2013



**17 Mei** : Sekumpulan mahasiswa Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) yang menamakan diri mereka INVENTORS membawa cabaran UTeM dalam pertandingan akhir Imagine Cup 2013 peringkat kebangsaan di Resort World Langkawi.

Kumpulan itu terdiri daripada Muhamad Azmi Zainal dari jurusan Multimedia, Nor Alia Zulaika Mohamed, Syazwani

Sardi dan Nor Fatin Emiliza Khairuddin dari jurusan Pembangunan Perisian di bawah seliaan oleh mentor Nor Haslinda Ismail, pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Perisian FTMK.

Glucose Check Apps merupakan aplikasi telefon mudah alih di mana pengguna terutamanya yang menghidap kencing manis boleh mengawal jumlah pemakanan yang di ambil seharian.

Pesakit boleh memasukkan input iaitu jenis makanan dan minuman yang diambil dan aplikasi tersebut akan mengeluarkan keputusan dan memaklumkan kepada pengguna sama ada tahap kandungan gula mereka berada pada tahap normal atau sebaliknya.

Aplikasi tersebut mempunyai kemudahan seperti mengira BMI (Body Mass Index) pengukuran berat badan yang ideal serta kemudahan mengira jumlah kalori yang telah digunakan setelah melakukan senaman dan aktiviti sukan.



## SKUAD RAGBI UTeM RAIH JUARA KATEGORI BOWL MASUM 7's

**12 Mei** : Pasukan ragbi UTeM terus mempamerkan prestasi unggul apabila berjaya meraih gelaran juara kategori bowl dalam acara 7 sepasukan jemputan kebangsaan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang berakhir hari ini. Kejohanan yang dianjurkan oleh MASUM dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berlangsung di Skudai dengan disertai IPTA seluruh negara.

Di peringkat kumpulan, UTeM bermula garang apabila menewaskan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan mata 19-7 namun tewas ketika

pertemuan menentang Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) 0-12.

Bermain dalam kategori bowl, jurulatih UTeM, Muhammad Afiz Ahmad memperkemas strategi pasukannya dan hasilnya amat memberangsangkan apabila berjaya mengenyepkan cabaran Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dengan mata 14-5.

Kemenangan itu memberi laluan selesa kepada UTeM untuk ke peringkat separuh akhir seterusnya berjaya mengekang kemaraan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan keputusan 19-5.

Di peringkat akhir kategori bowl, UTeM berdepan dengan asakan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) namun situasi tersebut tidak mengganggu semangat juang anak didik Muhammad Afiz malah berjaya mempamerkan corak permainan menarik.

Keputusan 17-0 memihak kepada UTeM selepas wisel permainan tamat sekaligus mencatat sebagai juara kategori bowl pada edisi kejohanan kali ini.

Menurut pengurus pasukan UTeM, Razali Yaakob berkata, pemain kendaliannya telah menunjukkan semangat dan gaya permainan yang mantap sepanjang kempen tersebut.



**12 Mei** : Pasukan UTeM mempamerkan aksi terbaik dengan menguasai tempat teratas Kejohanan Futsal IPT 2013 Zon Timur yang berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terengganu.

Pada kejohanan tersebut, pasukan futsal UTeM telah berjaya mengharungi semua perlawanan hingga ke peringkat akhir menyaksikan gelaran juara kategori lelaki dan naib juara kategori wanita menjadi milik universiti itu.

Sentuhan bekas pemain kebangsaan, Md Noor Derus selaku jurulatih kedua-dua pasukan itu merupakan antara faktor kejayaan UTeM dalam kejohanan tersebut.

Menyingskap kejayaan pasukan futsal lelaki UTeM, Md Noor menerangkan bahawa pasukannya berjaya

## UTeM KUASAI KEJOHANAN FUTSAL IPT 2013 ZON TIMUR

mara ke peringkat suku akhir dipertemukan dengan Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah (PSA) dan berkesudahan dengan jaringan 5-3.

Di peringkat separuh akhir, UTeM bertemu Kolej Komuniti Pahang menyaksikan pemenang ditentukan dengan sepakan penalti setelah terikat 0-0 hingga tamat permainan. Tuah nyata menyebelahi UTeM apabila berjaya mengenyepkan pasukan itu dengan jaringan 5-4. Kemenangan itu melayakkan UTeM melangkah ke final untuk menghadapi cabaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Asakan demi asakan daripada pasukan lawan berjaya dipatahkan dan keputusan rasmi perlawanan akhir itu memihak kepada UTeM dengan jaringan 3-2.

Pasukan futsal lelaki UTeM turut mencipta kejutan apabila Mohd Khaliqqadin Nordin dinobatkan sebagai pemain terbaik di atas kejayaan beliau menyumbat 10 gol sepanjang kejohanan itu.

Manakala pasukan wanita berjaya mara ke peringkat akhir namun hajat untuk menjadi johan tidak kesampaian apabila Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berjaya mencatat jaringan 3-0 seterusnya muncul juara pada edisi kali ini.

# MAHASISWA DIBERI PENDEDAHAN PENGURUSAN ACARA SUKAN PERINGKAT KEBANGSAAN



Mahasiswa UTeM bukan sahaja diberi pendedahan terhadap perkembangan industri, malah turut diberi kepercayaan dalam mengendalikan pelbagai acara yang dianjurkan sama ada peringkat universiti mahupun kebangsaan.

Baru-baru ini, bertempat di Dewan Sukan UTeM, Kampus Induk telah berlangsungnya Kejohanan Okinawa Goju-Ryu Karate Terbuka Melaka kali pertama peringkat kebangsaan yang dijayakan oleh mahasiswa universiti itu sebagai pegawai pertandingan dan sokongan teknikal.

Menurut Hassan Adnan selaku penyelaras mata pelajaran

kokurikulum karate do UTeM, penganjuran kejohanan tersebut melibatkan sebilangan mahasiswa universiti itu yang ditugaskan memastikan kelancaran acara yang julung kali diadakan di negeri ini.

"Mahasiswa terlibat dipecahkan mengikut kumpulan yang bertanggungjawab terhadap tugas spesifik masing-masing dan pengalaman menguruskan acara sebegini amat besar ertinya buat mereka," kata Hassan sewaktu ditemui.

Jelasnya lagi, sebagai mahasiswa, penglibatan tambahan di luar bilik kuliah seperti menyertai aktiviti penganjuran acara perlu digalakkan dan dipertingkatkan.

"Melalui penglibatan secara langsung dalam pengurusan acara, ianya memberikan nilai tambah kepada pelajar-pelajar secara holistik iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial dengan menyeluruh," jelasnya.

Seramai 200 orang peserta kategori sekolah dan belia dari seluruh negara telah menyertai kejohanan tersebut. Kejohanan tersebut melibatkan seramai 50 orang pelajar kokurikulum mata pelajaran karate do sebagai pegawai pertandingan dan sokongan teknikal.

Hassan turut melahirkan penghargaan kepada kepimpinan Persatuan Karate Okinawa Goju-Ryu negeri Melaka yang sudi memberi tunjuk ajar dan peluang kepada pelajar-pelajarnya dalam menjayakan kejohanan berprestij itu.

## MPP anjur **KARNIVAL BUKU DAN KOMPUTER**



**1 April** : Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengambil inisiatif menganjurkan Karnival Buku dan Komputer bertempat di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) Kampus Induk UTeM.

Menurut Yang DiPertua MPP Muhamad Noor Rusdan Abdullah, karnival itu bertujuan untuk memudahkan pelajar membeli buku menggunakan Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M) serta mendapatkan aksesori komputer pada harga yang lebih murah berbanding harga pasaran.

"Penganjuran program ini antara lain memberi kemudahan kepada mahasiswa untuk membeli buku dengan mudah di samping menjadikan di Pusat Persatuan Pelajar meriah dengan pelbagai aktiviti sesuai dengan peranannya sebagai tempat tumpuan pelajar," jelas Rusdan.

Karnival selama tiga hari itu yang disertai oleh beberapa buah syarikat buku dan pembekal peralatan komputer sekitar negeri ini mendapat sambutan menggalakkan di kalangan warga kampus.

Bagi Nur Farahin Mokhtar dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) berkata, karnival tersebut membolehkan beliau membeli keperluan akademik dan peralatan komputer dengan harga yang murah bagi tujuan penggunaan sewaktu perkuliahan.

Sementara itu bagi seorang mahasiswa dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Ho Wah Chong mengharapkan agar karnival sedemikian dapat diadakan lebih kerap di dalam kampus bagi memudahkan pelajar mendapatkan buku dan aksesori komputer dengan lebih mudah dan murah.



# PROGRAM REKREASI BERSAMA NAIB CANSELOR FKEKK & PENERBIT

**21 Mei** : Pusat Sukan UTeM mengambil langkah proaktif untuk menyemai amalan gaya hidup sihat dan cergas dalam kalangan warganya.

Bagi menjayakan inisiatif tersebut, Pusat Sukan hari ini menganjurkan Program Rekreasi Bersama Naib Canselor bertempat di Kampus Induk Durian Tunggal.

Program tersebut dijayakan dengan kehadiran Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang turut serta beriadah bersama warga Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dan Penerbit Universiti.

Menurut Dr. Ahmad Yusoff, program itu diadakan untuk mempromosikan amalan gaya hidup yang sihat, ceria dan cergas bagi mewujudkan suasana universiti yang unggul.

Menurutnya lagi, program yang dianjurkan merupakan platform terbaik untuk warga universiti mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti riadah sekaligus meningkatkan tahap kesihatan.

Pada program tersebut, Dr. Ahmad Yusoff bersama peserta lain menjayakan sukan sepak takraw di samping permainan dalaman (indoor games) seperti ping pong, karom dan mesin mendayung (ergo machine).

Terdahulu, beliau bersama peserta yang hadir mengikuti senaman regangan otot yang dipimpin oleh staf Pusat Sukan.



## Kelab Usrati Pejabat HEPA

### Sambut Hari Keluarga



**20 April** : Seramai 60 orang kakitangan dan ahli keluarga Kelab Kebajikan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (USRATI) HEPA telah menjayakan hari keluarga di Taman Tema Waterworld, Alor Gajah baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Kelab USRATI, Haji Razali Abdol Jalil berkata, program yang dilaksanakan bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim di antara kakitangan HEPA yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran, pejabat kolej kediaman dan kakitangan klinik pelajar di samping berkenalan dengan keluarga masing-masing.

Jelas Razali, program sebegini dapat membentuk semangat kerjasama yang utuh di samping mempromosikan gaya hidup sihat melalui penganjuran beberapa aktiviti pertandingan pada hari tersebut.

Beliau juga mengharapkan agar penganjuran program sedemikian akan diteruskan pada masa akan datang dengan penglibatan lebih ramai kakitangan dan ahli keluarga masing-masing.



## UTeM TUAN RUMAH SUKAN MASUM SIRI I

**7 April** : Pusat Sukan UTeM dipilih menganjurkan Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Siri I bertempat di Kompleks Sukan UTeM dan di Kompleks Sukan Hang Jebat di Krubong.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM, Dr. Asiah Hj. Mohd. Pilus ketika ditemui berkata, acara sukan yang dianjurkan dalam siri ini ialah taekwondo, renang dan skuasy.


"Acara taekwondo berlangsung di Kompleks Sukan UTeM manakala bagi acara renang dan skuasy diadakan di kolam renang dan gelanggang skuasy di Kompleks Sukan Hang Jebat melibatkan penyertaan 400 pegawai dan atlet dari 19 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh negara," kata Dr. Asiah.

Antara universiti yang mengambil bahagian di kejohanan siri ini ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT),

Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Selaku tuan rumah UTeM mengambil bahagian dalam acara taekwondo dengan 10 orang atlet bagi acara individu dan berpasukan.

Terdahulu, satu majlis sambutan selamat datang kepada pasukan yang bertanding telah berlangsung di Kolej Kediaman Lestari Kampus Induk disempurnakan oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTeM, Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman.





**KETUA EDITOR :**



Fazidah Ithnin

**WARTAWAN :**



Zulfatria Abdullah



Bob Faizeli Mohamed Din

**REKA BENTUK GRAFIK :**



Aziza Md Buang



Khairul Fakhurulradhi Borhan



Zaffaruddin Hamzah

**JURUFOTO :**



Md Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

**PENGEDARAN :**



Yang Sarinah Mohd Talib



Mohammad Taufik Osman

**UTeM kekalkan status bebas asap rokok**  
Diharap Warga UTeM Terus Komited Menjadian Persekitaran Kampus Sejahtera Serta Mewujudkan Komuniti Sihat Tanpa Ancaman Asap Rokok

**Jelajah Alumni UTeM**  
Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) melancarkan Program Jelajah Alumni ke seluruh negara, baru-baru ini.

**36 siswa UTeM berkunjung ke Pantar Timur**  
Pembelajaran Teknikal Malaysia (UTeM) melancarkan Program Jelajah Alumni ke Pantar Timur, Pahang.

**UTeM Umum Pelantikan Timbalan-Timbalan Naib Canselor**  
DURIAN TUNGGAL, 25 April - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) hari ini mengumumkan pelantikan Timbalan Naib Canselor (Akademik), Timbalan Naib Canselor (Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Pembelajaran Berturas) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

**Bank Islam serah zakat RM30,000 kepada UTeM**  
MELAKA - Bank Islam Malaysia Berhad menyerahkan wang zakat berjumlah RM30,000 kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampong Masjid Durian Tunggai dekat sini.

**Tangisan Gaza & Syria Di UTeM**  
MELAKA - Bank Islam Malaysia Berhad menyerahkan wang zakat berjumlah RM30,000 kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampong Masjid Durian Tunggai dekat sini.

**Karnival buku, komputer di UTeM**  
Durian Tunggai: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan Karnival Buku dan Komputer bertempat di Pusat Persatuan Pelajar Kampus Induk UTeM, di sini, baru-baru ini.

**UTeM Blue Dot tingkat pembedayaan inovasi**  
INSYUTeM Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) meningkatkan pembedayaan kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk membangunkan idea-idea inovatif mereka.

**Kejohanan Futsal IPT 2013 Zon Timur Pasukan UTeM Kuasai Tempat Teratas**  
Kejohanan Futsal IPT 2013 Zon Timur Pasukan UTeM Kuasai Tempat Teratas.

**UTeM kekalkan status bebas asap rokok**  
DURIAN TUNGGAL, 25 April - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) hari ini mengumumkan pelantikan Timbalan Naib Canselor (Akademik), Timbalan Naib Canselor (Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Pembelajaran Berturas) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

**Bank Islam serah zakat RM30,000 kepada UTeM**  
MELAKA - Bank Islam Malaysia Berhad menyerahkan wang zakat berjumlah RM30,000 kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampong Masjid Durian Tunggai dekat sini.

**Tangisan Gaza & Syria Di UTeM**  
MELAKA - Bank Islam Malaysia Berhad menyerahkan wang zakat berjumlah RM30,000 kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampong Masjid Durian Tunggai dekat sini.

**Karnival buku, komputer di UTeM**  
Durian Tunggai: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan Karnival Buku dan Komputer bertempat di Pusat Persatuan Pelajar Kampus Induk UTeM, di sini, baru-baru ini.

**UTeM Blue Dot tingkat pembedayaan inovasi**  
INSYUTeM Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) meningkatkan pembedayaan kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk membangunkan idea-idea inovatif mereka.

**Kejohanan Futsal IPT 2013 Zon Timur Pasukan UTeM Kuasai Tempat Teratas**  
Kejohanan Futsal IPT 2013 Zon Timur Pasukan UTeM Kuasai Tempat Teratas.